



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 74  
No. 29

**4hb November 2021**

*TAMBAHAN*  
*No. 5*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut, yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill, about to be introduced in the State Legislative Assembly of Selangor, is published for general information:

	Muka Page
Enakmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2021	35
Hulu Selangor Municipal Council Enactment 2021	39

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain berbangkit daripada pengurniaan taraf perbandaran kepada Majlis Daerah Hulu Selangor.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor Darul Ehsan seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2021 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 21 Oktober 2021.

**Perubahan gelaran**

2. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], dan digelar sebagai “Majlis Daerah Hulu Selangor” hendaklah dengan ini digelar sebagai “Majlis Perbandaran Hulu Selangor” atau “the Hulu Selangor Municipal Council”.

2

*Rang Undang-Undang***Mengecualikan hak-hak dan kewajipan-kewajipan Yang Dipertua dan mana-mana orang lain**

3. (1) Apabila berkuat kuasanya Enakmen ini, ia hendaklah tidak menjejaskan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor atau mana-mana orang lain yang dilantik atau dicalonkan secara sah, mengikut mana-mana berkenaan, yang memegang jawatan pada tarikh mula berkuat kuasanya Enakmen ini, yang mana mulai dari tarikh tersebut hendaklah, sebagai Yang Dipertua atau jawatan-jawatan yang lain, mempunyai dan melaksanakan semua hak, kewajipan, kuasa dan keistimewaan yang dahulunya berkaitan dengan mana-mana jawatan itu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, sebagaimana yang dipakai kepada Majlis Daerah Hulu Selangor atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau undang-undang kecil yang terpakai kepada Majlis Daerah Hulu Selangor di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, seolah-olah Enakmen ini belum lagi diperbuat.

(2) Tiada apa-apa jua pun dalam Enakmen ini akan menyentuh kesahihan atau kesan mana-mana tindakan, prosiding, pindahhak, pindahmilik, surat ikatan, transaksi, atau apa-apa tindakan lain yang diambil, dimasuki atau dibuat '*bona fide*' sebelum mula berkuat kuasanya Enakmen ini oleh, atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Majlis Daerah Hulu Selangor.

**Pindaan gelaran-gelaran**

4. Apabila taraf Majlis Daerah Hulu Selangor diubah kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala rujukan dalam tiap-tiap undang-undang bertulis—

- (a) kepada “Majlis Daerah Hulu Selangor” hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada “Majlis Perbandaran Hulu Selangor” atau “the Hulu Selangor Municipal Council”;
- (b) kepada “Ahli-Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor” (sebagai suatu perbadanan) hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada “Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor”;

*Majlis Perbandaran Hulu Selangor*

3

- (c) kepada “Ahli-Ahli Majlis” atau kepada “Ahli-Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor” hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada “Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor”;
- (d) kepada “Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor” atau kepada “Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor” hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai rujukan kepada “Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor” atau “Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor”; dan
- (e) kepada “Daerah” atau kepada “Ahli-Ahli Majlis Daerah” atau kepada “Yang Dipertua bagi Ahli-Ahli Majlis” (berkenaan dengan suatu Daerah) hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai termasuk rujukan kepada “Majlis Perbandaran Hulu Selangor”, “Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor” atau “Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor”.

## HURAIAN

Enakmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2021 (“Enakmen”) yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan undang-undang berhubung dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengubah nama “Majlis Daerah Hulu Selangor” kepada “Majlis Perbandaran Hulu Selangor”.

4. *Fasal 3* mengandungi peruntukan kecualian. *Subfasal (1)* bertujuan untuk mengekalkan hak, kewajipan, kuasa atau keistimewaan Yang Dipertua dan pegawai-pegawai lain sementara *subfasal (2)* memperuntukkan bahawa apa-apa tindakan, prosiding, pindahhak, pindahmilik, surat ikatan, transaksi, perjanjian, yang dibuat oleh Majlis Daerah Hulu Selangor tidaklah terjejas kesahihan atau kesannya oleh sebab perubahan tarafnya kepada perbandaran.

4

*Rang Undang-Undang*

5. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa apabila mula berkuat kuasanya Enakmen yang dicadangkan, segala rujukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Majlis Daerah Hulu Selangor hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor, rujukan kepada Ahli-Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan rujukan kepada Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai rujukan kepada Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

SHAH ALAM

Bertarikh 29 Oktober 2021

[MDHS.UD.652/8 Jilid 10; P.U. Sel. (ADV) GUB.MMKN(R)01/18]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Selangor*

## A BILL

*i n t i t u l e d*

An Enactment to make provisions for changes in title and other matters consequential on the conferment of the status of a municipality on the Hulu Selangor District Council.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor Darul Ehsan as follows:

**Short title and commencement**

1. The Enactment may be cited as the Hulu Selangor Municipal Council Enactment 2021 and shall come into operation on 21 October 2021.

**Change of title**

2. The Corporation established under the Local Government Act 1976 [*Act 171*], and style “the Hulu Selangor District Council” shall hereby be styled “Majlis Perbandaran Hulu Selangor” or “the Hulu Selangor Municipal Council”.

**Savings of rights and duties of President and other persons**

3.(1) The coming into operation of this Enactment shall be without prejudice to the President of the Hulu Selangor District Council or any persons lawfully appointed or nominated, as the case may be, at the date of the coming into operation of this Enactment holding office, who, from the said date shall, as President or other offices respectively, have and exercise all the rights, duties, powers and privileges formerly appertaining to any such office under the such Local Government Act 1976, as applied to the Hulu Selangor District Council or any other written law and any by-laws made thereunder or by-laws applied to the Hulu Selangor District Council under the Local Government Act 1976, as if this Enactment had not been enacted.

(2) Nothing in this Enactment shall affect the validity or effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, or any act of any kind *bona fide* taken, entered into or done before the date of coming into operation of this Enactment by or against or in the name or on behalf of the Hulu Selangor District Council.

**Amendment to titles**

4. On the change of the status of the Hulu Selangor District Council to the Hulu Selangor Municipal Council, unless the context otherwise requires, all references in every written law—

- (a) to “Hulu Selangor District Council” shall be construed as references to “Majlis Perbandaran Hulu Selangor” or “the Hulu Selangor Municipal Council”;
- (b) to “the Councillors of the Hulu Selangor District Council” (as a corporation) shall be construed as references to the “Councillors of the Hulu Selangor Municipal Council”;
- (c) to “the Councillors” or to “the Councillors of the Hulu Selangor District Council” shall be construed as references to “Councillors of the Hulu Selangor Municipal Council”;

---

---

*Hulu Selangor Municipal Council*

3

- (d) to “the President of the Hulu Selangor District Council” or to “the Deputy President of the Hulu Selangor District Council” shall be construed as references to “the President of the Hulu Selangor Municipal Council” or “the Deputy President of the Hulu Selangor Municipal Council respectively”; and
- (e) to “a District” or to “District Councillors” or to “the Councillors of a District” or to “the President of the Councillors” (in relation to a District) shall be deemed to include references to “the Hulu Selangor Municipal Council” or “the President of the Hulu Selangor Municipal Council”.

---

EXPLANATORY STATEMENT

The Hulu Selangor Municipal Council Enactment 2021 (“Enactment”) proposed by this Bill seeks to provide for the law relating to the Hulu Selangor Municipal Council.

2. *Clause 1* contains with the short title and the commencement date of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to change the style of “Hulu Selangor District Council” to “Hulu Selangor Municipal Council”.

4. *Clause 3* contains savings provisions *Subclause (1)* seeks to preserve the rights, duties, powers or privileges of the President or other officers whilst *subclause (2)* provides that the validity or effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, agreement, made by the Hulu Selangor District Council shall not be affected by the change of its status to a municipality.

5. *Clause 4* provides that on the coming into operation of the proposed Enactment, all references in any written law to the Hulu Selangor District Council shall be construed as references to the Hulu Selangor Municipal Council, references to the Councillors of the Hulu Selangor District Council shall be construed as references to the Councillors of the Hulu Selangor Municipal Council and references to the President and the Deputy President of the Hulu Selangor District Council shall be construed as references to the President and Deputy President Hulu Selangor District Council shall be construed as references to the President and Deputy President of the Hulu Selangor Municipal Council respectively.

4

*Bill*

*FINANCIAL IMPLICATIONS*

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.

SHAH ALAM

Dated 29 October 2021

[MDHS.UD.652/8 Jilid 10; P.U. Sel. (ADV) GUB.MMKN(R)01/18]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID  
*State Legal Adviser*  
*Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA